

Syarat Malaysia ke Rio

KUALA LUMPUR, 28 APR 1992 — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri Sidang Kemuncak Bumi di Brazil Jun ini, jika negara maju memberi komitmen terhadap pembangunan alam sekitar, manakala negara membangun mencapai kata sepakat mengenai perkara itu.

Perdana Menteri berkata, sebarang kata sepakat yang dicapai oleh negara membangun di Sidang Kuala Lumpur hanya mencerminkan pandangan Selatan tanpa membabitkan komitmen negara Utara.

"Sama ada kata sepakat negara membangun akan diterima oleh negara maju, ia adalah satu perkara lain. Sebab itu saya, berpendapat sebelum kita ke Rio, mesti ada komit-

menjadi jurucakap negara Selatan, Perdana Menteri berkata banyak lagi negara boleh menjadi jurucakap Selatan.

menjadi jurucakap negara Selatan, Perdana Menteri berkata banyak lagi negara boleh menjadi jurucakap Selatan.

Menurut Dr Mahathir, beliau akan menghadiri Sidang Rio jika keadaan memerlukan dengan syarat semua negara Selatan mempunyai pendirian yang sama berhubung pembangunan alam sekitar.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu akan dibincangkan terlebih dahulu selepas Sidang Kuala Lumpur berakhir Rabu ini.

Mengenai permintaan negara membangun supaya Malaysia menjadi ju-

menjadi jurucakap negara Selatan, Perdana Menteri berkata banyak lagi negara boleh menjadi jurucakap Selatan.

Ditanya reaksi negara membangun berhubung cadangan Malaysia mengekalkan alam sekitar sedunia melalui dokumen Inisiatif Penghijauan Dunia, Dr Mahathir berkata, mereka bukan sahaja tidak membantah, malah menyokongnya.

"Tetapi penghijauan dunia memerlukan perbelanjaan besar dan negara yang mencemar udara secara maksimum mestilah membelanja lebih daripada negara yang tidak melakukannya. Kita juga harus mengambil kira kemampuan sesebuah negara itu," katanya.

Menurutnya, Malaysia

LIHAT MUKA 2

NGO tidak utamakan masalah alam sekitar

DARI MUKA 1

juga akan membabitkan penghijauan 30 peratus kawasan hutan menjelang tahun 2000 ke Sidang Rio, jika beliau memutuskan untuk hadir.

Mengenai tindakan setengah pertubuhan bukannya kerajaan (NGO) Barat yang memburukkan Malaysia serta sanggup menggunakan keganasan untuk mencapai matlamat, Perdana Menteri berkata:

"Golongan itu sebenar-

nya tidak menitikberatkan, soal alam sekitar kerana mereka hanya ingin menggalakkan promo & barangan mereka yang bersaing dengan barangan Malaysia.

Dr Mahathir berkata, rakyat negara maju yang tidak sanggup mengubah cara hidup mereka mencemar alam sekitar tidak harus memaksa rakyat negara membangun berkorban untuk membolehkan mereka (negara maju) hidup mewah.